

**Kaji Peluang Lain Di Samping Selesaikan Isu, Kata Richard Riot
Bernama
12 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Negara-negara di rantau Laut China Selatan tidak seharusnya menumpu perhatian menyelesaikan isu-isu tuntutan bertindih sahaja tetapi perlu juga mengkaji peluang-peluang kerjasama di bidang lain.

Timbalan Menteri Luar Datuk Richard Riot yang mengutarakan demikian berkata peluang-peluang tersebut terutama sekali di bidang ekonomi dan perdagangan, perkapalan, tenaga yang boleh diguna semula, bantuan kemanusiaan dan bencana selain mengkaji cara mengatasi ancaman bersama seperti kesan perubahan cuaca.

Berucap pada perasmian persidangan anjuran Institut Maritim Malaysia (MIMA) di sini Isnin beliau mengakui isu sebenar adalah tuntutan yang bertindih dan perbincangan geopolitik namun negara-negara di rantau berkenaan perlu bekerjasama demi mewujudkan hubungan yang lebih berfaedah.

Persidangan tersebut berjudul 'Laut China Selatan: Perkembangan dan Implikasi

Terakhir Terhadap Penyelesaian Pertikaian Secara Aman'. Ucapan Richard dibacakan oleh Penasihat Khas kepada Menteri Luar mengenai isu maritim, Datuk Noor Farida Ariffin.

Richard berkata Malaysia menerima penetapan garis panduan pelaksanaan Pengisytiharan Tatalaku (DOC) oleh pihak-pihak berkenaan di Laut China Selatan yang dibuat di Bali pada bulan Julai, di samping melihat peluang kerjasama di bidang keselamatan pelayaran, penyelidikan saintifik marin, kerja mencari dan menyelamat serta pencegahan jenayah di antara negara.

"Dengan kerana itu kita (negara-negara terbabit) mengharapkan hasil positif diperolehi daripada kegiatan yang dicadangkan dan dianjurkan di bawah pelaksanaan peraturan DOC tersebut seperti bengkel yang akan diadakan di Haikou, China, mengenai keselamatan pelayaran," katanya.

Selain itu, kata Richard, perlu ada banyak lagi perbincangan melalui persidangan seperti hari ini, bengkel dan seminar untuk meluaskan persefahaman di kalangan negara-negara rantau Laut China Selatan dalam meningkatkan kerjasama menyumbang ke arah keamanan dan keharmonian serantau.

"Kesimpulannya tidak banyak yang boleh diperolehi jika menggambarkan rantau Laut China Selatan ini sebagai satu rantau yang dipenuhi bencana dan bahaya yang boleh bertukar meledak pada bila-bila masa.

"Sungguhpun menyedari kemungkinan berlakunya sedemikian, adalah lebih berguna melihat pada keadaan bahawa kawasan ini memberi harapan besar untuk masa depan bukan sahaja kepada negara-negara pesisir tetapi juga kepada masyarakat antarabangsa.

"Daripada berselisih dan terlibat dengan pertentangan, kita dapat melihat usaha kerjasama dan saling bergandingan ini sebagai cara untuk maju ke hadapan," kata Richard.

"Kawasan Laut China Selatan mempunyai sejarah telah menolong mengwujudkan pembentukan rantau ekonomi yang dinamik.

"Kerjasama akan membuka jalan ke arah kesejahteraan masa depan negara-negara dengan membuka ruang keluar daripada pertikaian," katanya.

Richard berkata kemajuan telah dicapai dalam kerjasama sebenar di pelbagai bidang di rantau ini yang seharusnya diteruskan walaupun masih banyak lagi usaha perlu dibuat.

Beliau berkata perbincangan mengenai Laut China Selatan sering dikaitkan dengan tuntutan yang bertindih dan soal geopolitik serta persaingan berhubung sumber petroleum.

Laut China Selatan, katanya, menjadi salah satu perairan paling penting di dunia yang pada waktu yang sama mengandungi berbagai ciri pulau-pulau di mana enam buah negara seperti Brunei, China, Malaysia, Filipina, Vietnam dan Taiwan telah membuat tuntutan.

Persidangan selama satu setengah hari itu diadakan bagi menyediakan landasan untuk perbincangan mengenai perkembangan terakhir di Laut China Selatan ke arah mencari penyelesaian aman terhadap pertikaian di kawasan berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633576>